

27 DEC 1998

DR MAHATHIR PULANG KE IBU NEGARA SELEPAS BERCUTI DI SINI

LANGKAWI, 27 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas pulang ke ibu negara tengah hari ini selepas menghabiskan cuti hujung minggu selama tiga hari di sini.

Dr Mahathir yang kelihatan relaks berbual mesra dengan beberapa pelancong yang berada di pintu masuk Lapangan terbang Antarabangsa Langkawi sebelum menaiki pesawat.

Turut sama dalam penerbangan balik itu ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid dan isteri Puan Sri Nila Inangda Manyam Keumala.

Pada hari pertama Dr Mahathir di sini, beliau dan isteri menghadiri jamuan berbuka puasa bersama rakyat di Masjid Al Tasnim, Kampung Bayas dekat sini.

Semalam, seperti kebiasaannya, beliau menghabiskan cuti di pulau ini dengan melawat beberapa projek pelancongan dan infrastruktur - mengunjungi projek pembinaan chalet di Kuala Muda sebelum melawat satu lagi projek perangan yang sedang dibangunkan berhampiran Telaga Tujuh di Teluk Burau.

Perdana Menteri juga melawat jalan susur baru menghubungkan Ulu Melaka dengan Makam Mahsuri sebelum singgah melihat tapak projek pembangunan kawasan paya di Jalan Air Hangat.

-- BERNAMA
NH LAT RON